

15 AUG 1998

Mahathir-ekonomi

KERAJAAN TIMBANG LANGKAH DRASTIK PULIH EKONOMI, KATA MAHATHIR

KOTA KINABALU, 15 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan mungkin memperkenalkan beberapa tindakan atau pendekatan yang boleh dianggap drastik untuk memulihkan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata tindakan atau pendekatan tersebut mungkin menggegarkan atau menakutkan rakyat sehingga mereka akan bertanya pada diri mereka sendiri sama ada ia akan membantu mereka.

Dr Mahathir berkata walaupun rakyat mungkin akan merasa was-was atau curiga terhadap pendekatan yang bakal diperkenalkan itu, mereka harus yakin bahawa ia akan mendatangkan hasil kepada mereka dan negara.

"Percayalah, setiap kali kerajaan mengambil sesuatu pendekatan, kita akan mengkajinya secara mendalam," kata beliau pada majlis bersama rakyat di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Likas di sini.

Dr Mahathir berkata segala rancangan yang diambil oleh kerajaan untuk memulihkan ekonomi akan berhasil jika rakyat memberikan sokongan padu.

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa tindakan dan pendekatan, termasuk menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) untuk menangani kegawatan ekonomi.

"Tetapi kita tidak akan berhenti di sini sahaja. Banyak lagi yang perlu dibuat," kata Dr Mahathir pada majlis itu yang dianjurkan oleh Badan Perhubungan Umno Sabah.

Lebih 10,000 orang termasuk pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional Sabah menghadiri perjumpaan selama lebih sejam itu.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN dan Presiden Umno, berkata kerajaan tidak pernah memperkenalkan sesuatu dasar atau pendekatan yang boleh menyebabkan rakyat menderita.

"Kerajaan akan hanya mewujudkan rancangan yang baik kepada rakyat dan untuk menjayakannya, sokongan padu rakyat amat penting," kata beliau.

Perdana Menteri berkata serangan pedagang mata wang yang menurunkan nilai ringgit tidak begitu menekan rakyat walaupun ia masih menjadi satu masalah utama kepada negara.

Ini kerana dasar dan pendekatan yang diperkenalkan oleh kerajaan telah berjaya mengelakkan rakyat daripada merasa bahang tindakan pedagang mata wang, katanya.

Beliau berkata akibat daripada serangan pedagang mata wang itu, kerajaan kini tidak mempunyai banyak peruntukan untuk projek-projek pembangunan, malah banyak daripada projek berkenaan terpaksa ditangguhkan.

Dr Mahathir juga menjelaskan bahawa projek-projek besar seperti Lapangan Terbang Antarabangsa KL dibiayai melalui sumber kewangan dalam negeri tanpa meminjam daripada luar.

"Semua pembiayaan datang daripada kita (dalam negeri). Kita mempunyai cita-cita besar untuk menjadi negara maju pada tahun 2020.

"Apa salahnya kita ada cita-cita ini? Ia bukan beban negara luar tapi impian kita. Kita boleh mencapai impian itu dengan usaha kita sendiri," kata beliau disambut tepukan gemuruh orang ramai yang mula membanjiri kompleks itu sejak pukul 7 pagi lagi.

Dr Mahathir turut menjelaskan mengenai konspirasi pihak luar yang ingin memusnahkan ekonomi dan menjatuhkan kepemimpinan negara.

Beliau berkata pihak asing di sebalik konspirasi itu nyata telah gagal dalam usaha mereka untuk mengubah kepemimpinan negara.

"Atas sokongan rakyat, kita masih boleh berdiri tegak dan mempertahankan maruah bangsa dan negara," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir mengakhiri ucapannya dengan meminta rakyat memberikan sokongan penuh kepada kerajaan dalam mengatasi masalah ekonomi.

"Kita boleh, Malaysia boleh dan Sabah boleh," kata beliau.

Pada persidangan berita di akhir lawatan beliau ke Sabah di lapangan terbang di sini, Dr Mahathir ketika ditanya mengenai beberapa tindakan drastik yang mungkin diambil untuk memulihkan ekonomi, berkata ia untuk menyediakan rakyat daripada segi pemikiran.

Beliau berkata kerajaan mungkin memperkenalkan tindakan atau pendekatan "yang rakyat mungkin tidak bersedia untuk menerimanya."

"Mungkin kita tidak buat (memperkenalkan tindakan atau pendekatan tersebut). Tetapi kita kena 'preprare the mind of the rakyat' katanya.

Perdana Menteri berkata tujuan beliau membuat kenyataan mengenainya ialah kerana kerajaan mungkin terpaksa membuat keputusan yang boleh mengejutkan rakyat.

Ditanya sama ada kerajaan sedang merangka tindakan atau pendekatan yang dimaksudkannya, Dr Mahathir berkata: "Waktu ini, tidak ada rancangan."

Ketika ditanya sama ada tindakan yang diambil terhadap mereka yang menyalahgunakan Internet untuk menyebarkan berita palsu akan mensia-siakan kemajuan Teknologi Maklumat (IT), Dr Mahathir berkata ia tidak terjejas langsung.

Dr Mahathir berkata dengan mengambil tindakan terhadap penyebar khabar angin ini, kemajuan IT akan lebih baik kerana orang seperti itulah yang menjejaskan pembangunan IT.

-- BERNAMA

ES JS MAI